

20 OCT 1996

LEAD Mahathir-jogathon (Bergambar)

DR MAHATHIR KETIGA DALAM JOGATON

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menduduki tempat ketiga dalam jogathon sejauh 4.2km anjuran Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen (BAKTI) di sini pagi ini.

Beliau mencatat masa 48 minit 28 saat dalam kategori veteran senior bagi yang berusia 56 tahun ke atas. Kategori itu dimenangi oleh bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk K.S.Nijhar manakala tempat kedua, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri-menteri Kabinet, timbalan menteri dan setiausaha parlimen serta keluarga masing-masing turut menyertai acara itu bagi mengisi tabung BAKTI.

Jogaton itu bermula dan tamat di Bangunan Parlimen dengan melalui jalan ke Tugu Negara dan Wisma Tani.

Bagi kategori lelaki veteran junior untuk yang berusia 41 hingga 55 tahun, bekas Timbalan Menteri Penerangan Datuk Ng Cheng Kuai muncul pemenang pertama, diikuti Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Khalid Yunus, yang juga presiden Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) dan ketiga, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed.

Projek amal BAKTI itu diadakan dua tahun sekali bagi membolehkan badan itu, yang diketuai isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, menyumbang balik segala derma kepada mereka yang kurang bernasib baik atau ditimpa bencana serta kepada institusi pendidikan dan perubatan.

Antara Oktober 1994 dan Julai lepas, Bakti telah menyumbangkan lebih RM9 juta, kata Dr Siti Hasmah dalam ucapan sebelum penyampaian hadiah.

"Dalam enam bulan ini saja, lebih 25 motosikal untuk orang cacat dibiayai oleh BAKTI dan pada bulan depan, hampir 300 murid sekolah rendah, menengah dan tingkatan tinggi seluruh negara akan menerima dermasiswa bagi tahun 1996/97," katanya.

Derma kali ini yang disumbangkan oleh badan korporat, syarikat swasta dan orang perseorangan berjumlah RM5.1 juta. -- BERNAMA

AZZ MAI